SOALAN NO.: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kelemahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam menangani banjir besar di Pantai Timur pada akhir tahun Disember 2014 dan langkah Kerajaan untuk mengatasi kelemahan MKN dalam menangani malapetaka. Nyatakan sebab Kerajaan tidak mengumumkan darurat semasa banjir besar berlaku supaya lebih banyak agensi Kerajaan boleh menyertai misi menyelamat.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara pada 30 Mac 2012 dan ianya masih lagi relevan. Arahan ini menggariskan satu dasar pengurusan dan bantuan bencana di darat secara menyeluruh berkenaan pengurusan bencana meliputi pengendalian peringkat sebelum, semasa dan selepas bencana.

Mekanisme pengurusan bencana dilaksanakan mengikut tiga (3) tahap jawatankuasa pengurusan iaitu di Daerah, Negeri dan Pusat yang mana masing-masing dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, Setiausaha Kerajaan Negeri dan YB Menteri yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut juga dianggotai dari pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi di ketiga-tiga peringkat pentadbiran berkenaan termasuklah penglibatan Penghulu dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Dalam hal ini, MKN bertindak selaku urus setia kepada setiap jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

Bagi memperincikan kaedah pengurusan bencana, MKN telah mengeluarkan Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir sebagai panduan pelaksanaan tugas secara lebih khusus. Susulan arahan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) yang dipengerusikan YAB Timbalan Perdana Menteri pada 3 Januari 2014, PTO yang diterbitkan pada tahun 2001 itu telah

disemak serta ditambahbaik dengan mengambil kira pengendalian banjir dalam stituasi ekstrem.

PTO tersebut telah dibentangkan kepada semua agensi di mana peranan dan tindak balas pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana telah diperincikan. Kandungan PTO berkenaan telah dimaklumkan kepada semua agensi berkaitan melalui jentera Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Negeri dan Daerah yang dipengerusikan oleh Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai-Pegawai Daerah. Selain memperincikan peranan agensi pada fasa tindak balas, PTO tersebut juga turut telah mengambil kira pengurusan perkara yang perlu dilaksanakan oleh setiap agensi dan jawatankuasa berkaitan pada setiap fasa pengurusan bencana secara holistik yang meliputi fasa sebelum (Pencegahan dan Kesiapsiagaan Bencana), fasa semasa (Tindak Balas Bencana) dan fasa selepas (Pemulihan Pasca Bencana).

PTO yang telah disemak semula ini turut menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan pada setiap peringkat, antaranya adalah penyediaan Pelan Tindak Balas Bencana Tempatan di peringkat Negeri dan Daerah. Pegawai Daerah dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana perlu menyediakan rancangan kesiapsiagaan dan tindak balas yang bersesuaian dalam pengurusan bencana. Persediaan menghadapi bencana hendaklah diperinci dan didokumenkan di dalam satu pelan tindakan supaya setiap petugas mengetahui dan boleh merancang dengan lebih berkesan tindakan-tindakan yang perlu diambil pada peringkat sebelum dan semasa bencana berlaku.

Pengurusan bencana di daerah adalah peringkat paling penting memandangkan segala tindakan pelaksanaan pengurusan bencana akan dilaksanakan di peringkat ini. Manakala pengurusan di peringkat negeri dan pusat memberi fokus kepada koordinasi pelan tindakan operasional yang harus dilaksanakan di peringkat daerah selain memberi bantuan keperluan aset dan personel.

Berhubung dengan pengisytiharan darurat, seperti yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat baru-baru ini bahawa pengisytiharan darurat tidak perlu dilakukan kerana semua agensi pengurusan bencana termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia telah pun digembling sepenuhnya.

Sekian. Terima kasih.